



SIARAN MEDIA

2025 WPS SUMMIT PERKUKUH KERJASAMA ASEAN DALAM AGENDA WANITA, KEAMANAN DAN KESELAMATAN

KUALA LUMPUR, 10 SEPTEMBER 2025 – YB Dato' Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail hari ini telah merasmikan Majlis Penutupan 2025 ASEAN Women, Peace and Security Summit yang berlangsung selama dua hari di Kuala Lumpur.

Dalam ucapannya beliau berkata bahawa agenda Wanita, Keamanan dan Keselamatan (WPS) tidak terhad kepada perbincangan mengenai konflik semata-mata. Ia berkaitan dengan maruah, keselamatan dan ketahanan manusia. Ia juga terpakai dalam cabaran yang dihadapi pada waktu aman seperti pemulihan bencana, krisis kesihatan awam, dan risiko perubahan iklim yang semakin meningkat.

Bagi Malaysia, Sidang Kemuncak yang menghimpunkan lebih 200 peserta ini merupakan satu peluang bukan sahaja untuk berkongsi, tetapi juga untuk belajar. Pelaksanaan memerlukan perkongsian strategik, akauntabiliti, dan penglibatan aktif wanita di semua peringkat, merentasi kementerian dan agensi.

Sepanjang persidangan, pelbagai sesi perbincangan telah diadakan dengan memberi fokus kepada kemajuan pelaksanaan Rancangan Tindakan Serantau ASEAN mengenai WPS, pengalaman negara dalam melaksanakan Pelan Tindakan Kebangsaan masing-masing serta peranan kepimpinan wanita dalam pencegahan konflik, penyelesaian damai dan pemulihan pasca-konflik. Isu-isu semasa seperti kesan perubahan iklim terhadap komuniti rentan, ancaman ekstremisme ganas, serta cabaran keselamatan digital turut diberi perhatian sebagai agenda baharu yang perlu ditangani bersama.

Sidang Kemuncak ASEAN WPS 2025 telah dianjurkan oleh KPWKM dengan kerjasama UN Women, Misi Australia ke ASEAN, Misi Kanada ke ASEAN serta rakan-rakan antarabangsa yang lain. Penganjuran ini membuktikan semangat kolektif ASEAN bersama rakan strategiknya dalam memperkukuh agenda Wanita, Keamanan dan Keselamatan demi manfaat seluruh masyarakat.

Majlis penutupan turut disertai oleh YB Dato' Sri Hajah Nancy Shukri, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat; YB Datuk Seri Dr. Noraini Ahmad, Timbalan Menteri; YBhg. Dato' Dr. Maziah Che Yusoff, Ketua Setiausaha KPWKM; serta pegawai-pegawai kanan Kementerian.

#####

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT

10 SEPTEMBER 2025